

AGM ICAP bakal tentukan hala tuju baharu

September 23, 2025 @ 5:24pm



Tan Teng Boo, Individu Yang Dilantik Untuk icapital.biz Bhd .

KUALA LUMPUR: icapital.biz Bhd (ICAP), satu-satunya dana tertutup tersenarai di Malaysia, akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-21 pada Sabtu, 4 Oktober 2025. Seperti tradisi sejak disenaraikan pada 2005, AGM diadakan pada hari Sabtu bagi memudahkan kehadiran pemilik saham.

Bersempena ulang tahun ke-21, mereka yang hadir secara fizikal ke AGM akan menerima cenderamata khas.

Pencapaian ICAP ini dianggap signifikan kerana ia kekal kukuh lebih dua dekad, sedangkan institusi kewangan utama seperti Lehman Brothers dan Credit Suisse tumbang akibat krisis dan isu tadbir urus.

Di peringkat global, dana tertutup sememangnya terbukti berdaya tahan. F&C Investment Trust di United Kingdom misalnya, telah wujud sejak 1868 dan masih bertahan mengharungi perang dunia serta krisis ekonomi. Begitu juga di Amerika Syarikat, dana tertutup yang diasaskan pada 1890-an dan 1920-an masih menunjukkan prestasi seiring atau melebihi pasaran.

Walaupun berdepan tekanan pelabur aktivis yang sering menuntut pencairan dana untuk keuntungan jangka pendek, ICAP kekal berdiri kerana ia dimiliki ribuan pelabur individu tanpa penguasaan pemegang saham tunggal.

Bagi ramai pelabur kecil termasuk pesara dan pemilik perniagaan, dana tertutup menarik kerana tidak terdedah kepada tekanan penebusan seperti dana terbuka. Asas modal yang stabil membolehkan pengurus melabur dengan lebih strategik untuk pulangan jangka panjang.

Tan Teng Boo, Individu Yang Dilantik Untuk icapital.biz Bhd merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Capital Dynamics, berkata AGM kali ini melambangkan kematangan ICAP yang telah disenaraikan di Bursa Malaysia sejak 2005.

"Pelabur Malaysia, khususnya mereka yang bermodal dan berpengetahuan terhad, wajar memiliki lebih banyak pilihan pelaburan. ICAP menawarkan akses mudah kepada portfolio ekuiti Malaysia yang diuruskan secara profesional dengan potensi agihan dividen berterusan," katanya.

AGM ke-21 ini disifatkan lebih istimewa kerana ia bakal mencorakkan bab seterusnya dalam perjalanan ICAP yang kini memasuki fasa baharu kematangan.